

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	5/1/2013

Agenda terancang guna kalimah Allah

SEKALI lagi isu penggunaan kalimah Allah diperkatakan. Ini bukan kali pertama timbul. Perbincangan tentang isu kalimah Allah ini sebenarnya satu perbincangan yang ilmiah dan tidak sepatutnya dipolitikkan.

Pemulaan kepada perbincangan ini apabila wujudnya tafsiran firman Allah SWT di dalam Surah az-Zumar, ayat 38 maksudnya, "Dan sungguh jika kamu bertanya kepada mereka: Siapakah yang menciptakan langit dan bumi, nescaya mereka menjawab: Allah."

Yang menjawab demikian adalah orang kafir jahiliyyah Mekah. Mereka ada Latta, Uzza, dan berhala-berhala di sekeliling Ka'bah yang mereka sembah. Tetapi mereka menggunakan nama Allah dan penggunaan kalimah Allah di sisi mereka disahkan oleh firman Allah SWT di dalam al-Quran.

Para ulama di Asia Barat yang berbangsa Arab secara khususnya berpandangan bahawa penggunaan kalimah Allah ini telah menjadi satu budaya dan adat. Masyarakat di sana walaupun ada yang bukan Islam, Kristian, ada yang tidak berpegang dengan mana-mana agama, qadaniyah dan sebagainya, mereka tetap dengan ucapan seperti masya-Allah, insya-Allah, wallaah, wallillah dan watalaah.

Ini kerana perkataan wallahi sudah menjadi pertuturan kebiasaan mereka, bukan wallahi dengan niat qasam (bersumpah). Itu yang berlaku di negara Arab, sebab itu digunakan kalimah Allah di dalam kitab mereka yang diterjemahkan ke dalam bahasa Arab.

Sekarang kita bercakap dalam konteks Malaysia. Berapa kali orang Kristian dalam negara kita ini menjadikan penggunaan kalimah Allah dalam percutian sehari-hari mereka atau menjadikan ia budaya dalam percutian?

Berapa kali orang seperti Lim Guan Eng contohnya tersandung ketika tersepak batu lalu menyebut Allahu Akbar? Berapa kali apabila dia terkejut lalu menyebut nama Allah?

Di Sabah dan Sarawak memang penggunaan kalimah Allah sudah menjadi kebiasaan sebab di gereja mereka menggunakan kitab-kitab terjemahan Indonesia. Indonesia menterjemahkan Bible ke dalam bahasa Indonesia dan menggantikan kalimah God kepada kalimah Allah.

Jadi penggunaan kalimah Allah itu sudah menjadi biasa bagi mereka, dan implikasinya boleh dilihat di Sabah dan Sarawak apabila kitab ini diguna pakai.

Harus diingat berapa peratusan umat Islam di Malaysia? Kita bukan duduk di zaman mula-mula mereka di mana peratusan umat Islam adalah 80peratus (%). Sekarang

Fathul Bari Mat Jahya



Sebab itu cadangan yang baik agar kerajaan lebih tegas, cuma masalahnya adalah kita berhadapan dengan pandangan sebahagian daripada kaum muslimin sendiri yang mengatakan agama lain boleh menggunakannya

umat Islam dalam negara kita cuma 61 %, dan Alhamdulillah masih majoriti. Menyusul selepas itu adalah agama Buddha hampir 20%, diikuti Kristian 9.2%, dan seterusnya Hindu dan lain-lain.

Kristian hanya 9.2% dan Lim Guan Eng bercakap seolah-olah mewakili majoriti penganut Kristian dan majoriti rakyat umum dalam negara ini. Apakah beliau lupa, gereja yang terbesar di Asia yang sedang dalam proses binaan di Selangor pada hari ini diberikan kepada mereka.

Bahkan salah seorang daripada orang besar gereja Katolik di Asia.

Yang amat dibimbangi ialah di sebalik isu ini ada agenda Kristianisasi dan pluralisme. Kita harus ingat apa tuntutan Suruhanjaya Antara Agama (IFC) yang diketuai oleh Ambiga. Mereka mahu supaya Perlembagaan yang meletakkan Islam sebagai agama Persekutuan itu dirungkaikan, dan diberikan kesamarataan kepada semua agama. Ini semua adalah agenda mereka yang tersusun dan terancang.

NGO termasuk Majlis Peguam adalah gerakan mereka terdiri daripada peguam-bahkan dalam kalangan orang Islam sendiri. Pluralisme membawa kepada semua agama itu sama, dan kita tidak berhak lagi untuk mengatakan Islam agama yang lebih baik berbanding agama lain.

Isu kalimah Allah dalam konteks negara kita adalah berbeza dengan konteks negara lain. Cuba bayangkan selama ini melungkan Allah Akbar dengan taahid tetapi gereja juga melungkan Allah, Allah, Allah dengan trinity.

Kita mungkin berhujah tanpa melihat



AHLI pertubuhan bukan kerajaan yang menyambut kepulangan Lim Guan Eng selepas bercuti dari Hong Kong mendesakny memohon maaf dan menarik balik cadangan penggunaan kalimah Allah dalam Bible versi Bahasa Melayu di Lapangan Terbang Antarabangsa Bayan Lepas Pulau Pinang baru-baru ini. - UTUSAN/SAZALI CHE DIN

bagaimana kemerdekaan itu diperoleh. Kita tidak melihat bagaimana proses peralihan perubahan kehidupan dalam negara kita. Dulu pada tahun 1960-an, 1970-an, di mana hendak cari orang pakai tudung labuh? Ibu dan bapa kita ada yang belajar di Universiti Al-Azhar.

Ada gambar-gambar ustazah-ustazah yang popular pada hari ini, dulu mereka tidak memakai tudung pun!

Ustaz-ustaz yang popular dan senior pada hari ini dulu hanya memakai seluar pendek belajar di Asia Barat. Sekarang ini telah berlaku proses perubahan ke arah kebaikan yang pesat dan wajar diakui dan diiktiraf. Cuma masih ada kelemahan.

Kita tidak katakan telah sempurna tetapi semuanya perlu dipertingkatkan dan dikemas kini.

Bayangkan kalimah Allah nanti diletakkan di depan gereja. Apa yang boleh kita katakan pada masa itu? Perkara ini tentu akan menyinggung sensitiviti umat Islam. Kalau dulu musuh Islam menggunakan Islamofobia; jenama yang Barat gunakan dan tempel kepada umat Islam. Kita katakan sikap yang dibuat oleh Guan Eng pada hari ini sebenarnya mencetuskan Kristianofobia iaitu apabila mendengar agama Kristian orang merasa fobia ataupun benci, orang merasa takut dengan gerakan mereka.

Maka waqi' (realiti keadaan) dalam negara kita ini perlu diraikan; bagaimana kefahaman masyarakat kita tentang agama, kita masih lagi jauh terkebelakang dan kita sedang bina sedikit demi sedikit. Jangan kita mengahapkan semuanya mantap dengan serta-merta. Pemimpin yang naik turut mempunyai kelemahan, ada yang faham agama dan ada yang tidak faham agama.

Ada yang faham agama tetapi tidak tahu buat kerja. Ada yang tidak faham agama tetapi pandai buat kerja. Masing-masing ada kelemahan dan ada kelebihan. Sebab itu kita berkehendak kepada perpaduan dan kesatuan sesama kaum muslimin, saling lengkap melengkapi antara satu sama lain.

Masalah timbul apabila seseorang itu mempunyai peretangan, dia melupakan segala-galanya demi menjaga kepentingannya. Sehingga isu kalimah Allah ini pun menjadi satu isu yang berkepentingan.

Sebab itu cadangan yang baik agar kerajaan lebih tegas, cuma masalahnya adalah kita berhadapan dengan pandangan sebahagian daripada kaum muslimin sendiri yang mengatakan agama lain boleh menggunakannya.

Saya hairan orang yang membenarkan isu ini, anak-anak mereka tidak pula dihantar ke sekolah Missionary Kristian seperti Methodist dan sebagainya. Anak-anak mereka dihantar ke sekolah agama juga. Anak sendiri hendak dihantar ke tempat bagus, tetapi negara sendiri tidak mahu diselamatkan daripada kekacauan minda-minda dan perkara-perkara yang seperti ini.

Oleh itu kita mengharap kerajaan bertindak lebih tegas, dalam masa yang sama kita juga ingin agar orang Melayu dan Islam menjadi kuat.

Kekuatan tidak diperoleh melainkan dengan perpaduan. Maka hulurkanlah tangan, bersatu, berpadulah kaum Muslimin. Itu yang lebih utama daripada mencari helah dan jalan untuk bersatu dan berpadu dengan orang bukan Islam, lebih-lebih lagi jelas memusuhi Islam.

Bukan tidak boleh bekerjasama dengan bukan Islam, tetapi keutamaan, kecenderungan dan rohnya mestilah bersatu dengan kaum Muslimin. Seperti mana yang digambarkan di dalam al-Quran tentang ciri-ciri pengikut Muhammad, "Bertegas terhadap orang kafir dan berkasih sayang sesama mereka." (surah Al-Fath: 29)

PENULIS ialah CEO Ilmuan Malaysia (ILMU)

≥ **BISIK-BISIK**

WAYANG opera apa yang DAP mahu pertontonkan kepada rakyat sekarang?